

Jenis Akhbar : Sinar Harian  
Tarikh : 24/11/2023  
Edisi / Muka Surat : PREMIUM Sinar Harian (17 - 24)  
Tajuk : Liku-Liku 365 Hari PMX





KOPERASI UNTUK KESEJAHTERAAN MALAYSIA MADANI

Sedeki Amanah, Telus

www.angkasa.coop

f o o o @AngkasaCoop

## Cabaran berliku ikon reformis

Tanggal 24 November 2022 mencatatkan detik terpenting dalam sejarah negara. Ini kerana penantian penuh debar drama politik menawan Putrajaya pasca Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) berakhir dengan kejutan pelantikan Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10 (PMX).

Pelantikan itu bukan sahaja mengakhiri penantian Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) berkenaan selama 24 tahun untuk memegang tampuk utama jawatan eksekutif pentadbiran kerajaan.

Bahkan, momen itu amat signifikan dalam menoktahkan kemelut Parlimen tergantung yang berlarutan selama lima hari.

Selain tarikh tersebut menamatkan stigma penajajaran politik baharu yang tercetus pasca PRU14, 24 November tahun lalu turut menyaksikan pembentukan satu kerjasama politik baharu yang langsung tidak pernah terduga.

Siapa sangka dua koalisi politik iaitu Barisan Nasional (BN) dan PKR yang berseteru sejak lebih dua dekad lalu, akhirnya berjiwa besar menerima saranan titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah untuk berdamai dan membentuk sebuah Kerajaan Perpaduan.

Semenjak itu, Anwar tidak lagi menoleh ke belakang. Hakikatnya tempoh setahun beliau menerajui Kerajaan Madani sememangnya berdepan cabaran penuh onak dan duri.

Antara cabaran utama dihadapi Anwar dan Kerajaan Perpaduan adalah memastikan wujudnya kestabilan dalam politik, reformasi institusi dan pentadbiran serta mengatasi kemelut ekonomi negara yang terkesan sejak endemik Covid-19.

Dijulang sebagai seorang pejuang reformis bersifat nasionalis, Ahli Parlimen Tambun itu tidak pernah gentar untuk menongkah arus.

Berbekalkan semangat mentransformasikan negara, sejak hari pertama memasuki Pejabat Perdana Menteri, Anwar sanggup melunaskan tanggungjawab diamanahkan tanpa mengambil gaji dan sebarang kemudahan istimewa sebagai Perdana Menteri.

Sewaktu membentuk barisan kabinet baharu, PMX bukan sahaja melakar sejarah



Anwar (depan, tengah) bersama Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (depan, dua dari kiri) serta Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan (depan, dua dari kanan) dan Steven Sim (depan, kiri) tiba untuk membentangkan Belanjawan 2024 di Dewan Rakyat.

dengan melantik dua Timbalan Perdana Menteri termasuk seorang dari Sarawak iaitu Naib Presiden Kanan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Seri Fadillah Yusof.

Lebih mengejutkan, Anwar membuat keputusan kontroversi dengan memilih Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang ketika itu masih terpalit kes mahkamah, untuk mengisi jawatan nombor dua berkenaan.

Keputusan itu pada mulanya dianggap langkah 'politik kamikaze' oleh Anwar dari kaca mata sebilangan pemerhati politik.

Bagaimanapun, PMX membuktikan Kerajaan Perpaduan kekal berdiri utuh dan mendapat sokongan majoriti dua pertiga buat kali pertama dalam tempoh 19 tahun.

Sewaktu mendepani PRU15 bagi enam negeri pada Julai lalu, gabungan koalisi PH-BN berjaya mengekang asakan bertali arus PN yang ketika ini menguasai sokongan pengundi Melayu, bagi mengekalkan penguasaan di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

Ya, isu kestabilan politik sedikit sebanyak merencatkan usaha Kerajaan Perpaduan untuk melaksanakan pelbagai agenda pembaharuan negara.

Lebih-lebih lagi Kerajaan Perpaduan

sering 'diserang' dengan isu 3R (kaum, agama dan institusi diraja) oleh blok pembangkang diterajui Perikatan Nasional (PN).

Namun, Anwar berusaha keras mengesampingkan tohmahan berkenaan dengan membawa imej sebagai seorang pemimpin progresif yang berjiwa Melayu, Islamik dan lantang mempertahankan hak keistimewaan kaum Bumiputera.

### Usaha tingkatkan ekonomi

Dari sudut cabaran ekonomi pula, Anwar menyedari isu peningkatan kos sara hidup dan ketidakcukupan bekalan barangan keperluan harian merupakan perkara penting yang perlu segera ditangani.

Justeru, tiga hari selepas menduduki kerusi panas Perdana Menteri, beliau bertindak pantas mepengerusikan satu Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Tindakan Sara Hidup Negara bagi membincangkan dua isu penting berkenaan secara tuntas.

Pengerusi PH itu juga memahami kepentingan Malaysia bertindak agresif dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung Malaysia di luar negara (DIA) bagi mengukuhkan ekonomi dan nilai mata wang Ringgit Malaysia (RM).

Berikutan itu, kejayaan meraih nilai pelaburan terkumpul mencecah RM914.9

bilion tercapai hasil usaha lawatan rasmi PMX bersama menteri-menteri kabinet ke lebih 20 negara termasuk China, Britain dan Amerika Syarikat (AS).

Cabaran ekonomi terkini dihadapi Anwar adalah apabila berlaku penyusutan nilai RM berbanding Dolar AS sejak beberapa minggu lalu.

Sebagai respons kepada masalah berkenaan, PMX yang juga Menteri Kewangan mengetengahkan idea perdagangan dengan negara seperti China, Thailand dan Indonesia dengan menggunakan tukaran langsung RM dengan mata wang negara berkenaan berasaskan pendekatan de-dolarisasi.

Menerusi Belanjawan Madani 2024, Anwar sekali lagi membuktikan beliau tidak takut untuk melaksanakan keputusan signifikan tetapi tidak popular.

Mengumumkan peruntukan belanjawan terbesar dengan nilai keseluruhan RM393.8 billion, PMX mengambil langkah berani mempraktikkan inisiatif awal pelaksanaan rasionalisasi subsidi negara, bermula dengan bahan api elektrik dan diesel.

Selain itu, usaha tanpa jemu Kerajaan Perpaduan menyediakan pelbagai inisiatif ekonomi baharu termasuk Inisiatif Ekonomi Madani, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Baharu (NETR) dan Dasar Gaji Progresif membantu kerajaan mengukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi di samping membela nasib golongan pekerja bergaji rendah.

Di peringkat hubungan antarabangsa, Anwar berjaya memposisikan dirinya selaku ikon pemimpin penting di rantau Asia.

Ini kerana kelantangan beliau bersuara mengkritik kekejaman rejim Zionis Israel yang agresif melaksanakan agenda pembunuhan beramai-ramai ke atas rakyat Palestin di Gaza sejak 7 Oktober lalu ternyata mendapat perhatian dunia.

Secara optik, pentadbiran kerajaan Anwar mungkin dilihat gah dengan siri pengumuman demi pengumuman inisiatif dan dasar baharu kerajaan yang besar untuk mentransformasi pentadbiran dan ekonomi negara.

Namun begitu, PMX perlu membuktikan beliau seorang pemimpin yang 'cakap serupa bikin' dalam mengotakan agenda dan janji-janji pembaharuan negara demi memastikan hayat pentadbiran Kerajaan Perpaduan mampu terus bertahan menjelang PRU16.

No. Siri Kelulusan: IU0222

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

Koperasi

**PROMOSI UMRAH**  
SEMPENA MUSIM CUTI SEKOLAH

14-25  
FEBRUARI  
2024

**SAMBUT RAMADAN**  
1445H BERSAMA COOPUMRAH

03-14  
MAC  
2024

TEMPAT TERHAD. HUBUNGI KAMI UNTUK PENDAFTARAN :

010-295 7031 (Zakuan)

013-939 6730 (Amirul)

REHLAH INTERNATIONAL TRAVEL & TOURS SDN. BHD. (298232-V)  
No. 17-2, Jalan 3/76D, Desa Pandan, 55100 Kuala Lumpur.

SERENDAH  
**RM8,990**





KOPERASI UNTUK KESEJAHTERAAN MALAYSIA MADANI  
*Sadik, Amanah, Telus*

www.angkasa.coop  
@AngkasaCoop



# GARIS MASA SETAHUN ANWAR

## SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA



### 2022

**2 DISEMBER**  
Bentuk kabinet, lantik 25 menteri

**5 DISEMBER**  
Jemaah menteri setuju potong 20 peratus gaji

**24 NOVEMBER**  
Angkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10

**6 DISEMBER**  
Umum tidak ambil gaji untuk jawatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan



**8 JANUARI**  
• Melawat Indonesia dua hari  
• Bertemu Presiden Joko Widodo



**20 DISEMBER**  
• Bentang bajet mini  
• Peruntukan RM55.96 bilion

**16 DISEMBER**  
• Tarik sokongan empat gabungan parti politik  
• Jamin kepimpinan dan kestabilan Kerajaan Perpaduan

**15 DISEMBER**  
Hentikan lantikan politik dalam GLC serta-merta

**9 DISEMBER**  
Umum pelantikan 27 timbalan menteri

### 2023

**25 JANUARI**  
• Melawat Brunei dua hari  
• Menghadap Sultan Hassanal Bolkiah

**30 JANUARI**  
• Melawat Singapura sehari  
• Bertemu Perdana Menteri Lee Hsien Loong dan Presiden Halimah Yacob



**9 FEBRUARI**  
• Melawat Thailand dua hari  
• Bertemu Perdana Menteri Prayut Chan o-cha

**24 FEBRUARI**  
• Bentang Belanjawan 2023 Malaysia Madani  
• Peruntukan RM388.1 bilion



**5 APRIL**  
Raih pelaburan RM30 bilion dari Geely

**1 APRIL**  
Raih pelaburan RM170 bilion dari China

**29 MAC**  
• Melawat China empat hari  
• Bertemu Presiden Xi Jinping



**22 MAC**  
• Melawat Arab Saudi tiga hari  
• Menghadap Gabenor Jeddah, Putera Saud Abdullah Jalawi Al Saud

**1 MAC**  
• Melawat Filipina dua hari  
• Bertemu Presiden Ferdinand R Marcos Jr

**8 MEI**  
Hadir ke Sidang Kemuncak ASEAN ke-42 di Labuan Bajo, Indonesia



**13 JUN**  
Raih pelaburan RM8.3 bilion dari UK di bawah MDEC

**27 MAC**  
• Melawat Kemboja sehari  
• Bertemu Perdana Menteri Hun Sen

**7 MAC**  
Raih pelaburan RM25.5 bilion dari Amazon Web Services



**14 MEI**  
Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan Malaysia pertama

**2 JUN**  
Raih pelaburan RM23.07 bilion dari Jepun di bawah MITI

**26 JUN**  
• Melawat Laos dua hari  
• Bertemu Perdana Menteri Dr Sonexay Siphandone

**14 JULAI**  
Peruntuk RM3 bilion tingkat pengeluaran beras menerusi projek padi 5 musim



**14 JULAI**  
Raih pelaburan dari Tesla

**12 OGOS**  
Raih pelaburan RM5.2 bilion iaitu dari China (RM3 bilion) dan Singapura (RM2.2 bilion) dalam ekonomi digital



**3 OGOS**  
Raih RM25 bilion dari Jerman menerusi Infineon Technologies

**24 JULAI**  
Baik pulih sekolah daif di seluruh negara

**20 JULAI**  
• Melawat Vietnam dua hari  
• Bertemu Perdana Menteri, Pham Minh Chinh

**1 SEPTEMBER**  
• Lancarkan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030  
• Tingkat keupayaan Malaysia bersaing di peringkat global

**5 SEPTEMBER**  
Hadir ke Sidang Kemuncak ASEAN ke-43 di Jakarta, Indonesia

**20 SEPTEMBER**  
• Hadir ke Perhimpunan Agung PBB ke-78 di New York, AS  
• Tegas sentuh isu keselamatan Palestin, Rohingya dan penyelesaian konflik Rusia-Ukraine



**5 OKTOBER**  
• Melawat UAE dua hari  
• Menghadap Presiden UAE, Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan

**11 NOVEMBER**  
• Hadir ke Sidang Tergembar OIC  
• Bincang kekejaman Israel terhadap Palestin



**11 SEPTEMBER**  
• Bentang RMK12 dengan peruntukan RM400 bilion  
• Rancangan pembangunan lima tahun negara (2021-2025)

**22 SEPTEMBER**  
Raih pelaburan RM47 bilion dari Google, Boeing, Airbus, Medtronic dan Siemens Healthineers

**13 OKTOBER**  
Bentang Belanjawan 2024 Malaysia Madani dengan peruntukan RM393.8 bilion



**23 OKTOBER**  
• Melawat Mesir dua hari  
• Menghadap Presiden, Abdel Fattah El Sisi

**22 OKTOBER**  
• Melawat Turkiye dua hari  
• Bertemu Presiden Recep Tayyip Erdogan

**21 OKTOBER**  
• Melawat Arab Saudi dua hari  
• Menghadap Putera Mahkota, Mohammed Salman

**20 OKTOBER**  
Hadir ke Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk



KOPERASI UNTUK KESEJAHTERAAN MALAYSIA MADANI  
*Safik. Anwarah. Teling*

# Paling menyerlah, tumpuan rakyat

**S**epanjang setahun pentadbiran Kerajaan Madani, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sememangnya berdepan pelbagai cabaran dalam mendepani banyak isu kesenjangan ekonomi antara kaum, janji-janji reformasi pentadbiran negara dan kestabilan politik.

Mencapai usia setahun pentadbiran Perdana Menteri Ke-10 (PMX) itu juga, sebahagian besar matlamat Kerajaan Perpaduan yang berpaksikan kepada eram nilai teras 'Madani' masih belum direalisasikan secara menyeluruh.

Bagaimanapun, penyediaan pelbagai pelan ekonomi baharu termasuk Inisiatif Ekonomi Madani, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Baharu (NETR) dan Dasar Gaji Progresif membantu kerajaan mengukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi.

Hasrat tersebut dijangka tercapai melalui kerjasama perdagangan dan pemindahan teknologi baharu dari syarikat-syarikat terkemuka dunia seperti Tesla dan Amazon Web Services (AWS).

Secara optik, pentadbiran kerajaan Anwar yang sarat dengan pengumuman pelbagai inisiatif, polisi dan dasar baharu mungkin memberi isyarat positif kepada 33 juta rakyat Malaysia bahawa hala tuju pentadbiran negara kini berada di landasan tepat.

Bagaimanapun, selepas 365 hari berkuasa, rakyat sudah mempersoalkan apa pencapaian signifikan kerajaan pimpinan PMX berbanding Perdana Menteri terdahulu.

Justeru, dengan rombakan Kabinet dijangka diadakan selepas sambutan ulang tahun pertama pentadbiran Kerajaan Madani, Anwar harus memastikan barisan Jemaah Menteri baharu mampu merealisasikan aspirasi reformasi negara yang didambakan beliau.

Daripada keseluruhan 27 portfolio kementerian yang diwujudkan Anwar, *Sinar Premium* mengenal pasti sekurang-kurangnya 11 kementerian yang menyerlah, popular dan sangat signifikan kepada rakyat.

Ikuti analisis prestasi semasa 11 kementerian berkenaan yang diberikan oleh firma penyelidikan utama Malaysia iaitu **PENGARAH EKSEKUTIF ILHAM CENTRE, HISOMMUDIN BAKAR dan FELO AKADEMI SAINS MALAYSIA, PROFESOR DATUK DR JAYUM JAWAN.**



HISOMMUDIN



JAYUM



Anwar (dua dari kanan) menunjukkan dokumen ucapan Belanjawan 2024 Malaysia Madani semasa melakukan tinjauan di Kementerian Kewangan.

## KEMENTERIAN KEWANGAN

**HISOMMUDIN:** Antara pencapaian membanggakan kementerian ini ialah dengan pembentangan Belanjawan 2024 sebagai nukleus pemangkin ekonomi negara pasca Covid 19.

Menerusi pembentangan Belanjawan yang disifatkan sebagai bajet 'berani' susulan jaminan peruntukan lebih besar berbanding sebelumnya, Anwar selaku peneraju kementerian ini turut membuat beberapa keputusan signifikan tetapi tidak popular seperti memulakan inisiatif awal merasionalisasikan subsidi elektrik dan diesel.

Tumpuan turut diberikan terhadap beberapa kementerian utama yang menerima agihan besar seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri dan beberapa portfolio lain.

Dalam pada itu, Kementerian Kewangan menaikkan jumlah bantuan kepada rakyat seperti Skim Tunai Rahmah.

Semua ini adalah untuk meringankan beban rakyat yang memertukan, dan perbelanjaan tersebut juga akan menyebabkan berlaku kitaran wang dalam ekonomi domestik.

Melalui inisiatif tersebut, kerajaan berharap apabila rakyat berbelanja maka secara langsung ia dapat me-

rancakkan ekonomi negara.

Berdepan iklim ekonomi dunia yang suram, kerajaan menerusi Kementerian Kewangan mengambil langkah bertahan untuk memulihkan ekonomi.

Cabaran pada masa kini adalah apabila berlaku penyusutan nilai ringgit berbanding dolar sejak beberapa minggu lalu.

Walaupun negara lain juga menghadapi masalah sama, kerajaan perlu melihat langkah-langkah yang lebih proaktif bagi menaikkan semula nilai ringgit.

Sebagai respons kepada masalah berkenaan, Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri menyetujui idea berdagang dengan negara seperti China, Thailand dan Indonesia dengan menggunakan tukaran langsung Ringgit Malaysia (RM) dengan mata wang negara berkenaan.

Pendekatan dikenali dedolarisasi ini merupakan idea tersendiri Menteri Kewangan dalam berdepan kemelut penyusutan RM dalam dagangan mata wang.

Cabaran mendatang kepada Kementerian Kewangan adalah memastikan tata kelola perbelanjaan kantung negara yang direncana menerusi Belanjawan 2024 dibelanjakan

dengan penuh berhemah.

**JAYUM:** Pada awalnya, dapat dilihat usaha bersungguh-sungguh daripada kerajaan dalam menyelamatkan semula wang negara yang hilang disebabkan oleh pelbagai skandal kewangan yang berlaku sewaktu kerajaan terdahulu.

Bagaimanapun, terdapat segelintir kes skandal yang hukumannya dilihat tidak setimpal dengan jumlah kehilangan wang negara yang telah diselewengkan.

Bagi Sabah dan Sarawak, dua negeri itu mungkin berasaskan mereka menerima jumlah peruntukan pembangunan yang lebih besar pada Belanjawan 2024.

Bagaimanapun, peruntukan tersebut masih dianggap tidak setimpal dengan jumlah keseluruhan dana yang diterima oleh 11 negeri di Semenanjung Malaysia secara keseluruhannya.

Namun begitu, peruntukan besar dan komitmen Anwar untuk melaksanakan sepenuhnya agenda yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) wajar diberi pujian, sekali gus mengetepikan sentimen kepentingan negeri-negeri Malaysia Timur sering dikesampingkan kerajaan Pusat.

*Bekerja Bekerjasama, Demi Manfaat Bersama*

## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

**HISOMMUDIN:** Pada hemat saya, Kementerian Pengangkutan antara yang menonjol dan *outstanding*. Menerusi kepimpinan Menterinya, Anthony Loke - memanfaatkan peluang kedua dilantik di portfolio ini selepas pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (PH) 1.0, beliau seakan tahu bagaimana mengemudi kementerian ini pada penggal ini.

Hakikatnya cabaran dihadapi bukan kecil termasuk mendepani isu struktur jejambat rosak pada laluan Transit Aliran Ringan (LRT), sistem LRT kerap tergendala, nahas udara di Elmina, kemalangan membabitkan lori lebih muatan sehingga kepada imej penerbangan negara dicalarkan dengan tindakan tidak bertanggungjawab syarikat MyAirline.

Dengan situasi tegang sebegini, Menteri Pengangkutan ternyata ada cara tersendiri mengurus situasi dengan baik.

Beliau turun padang secara mengejut, pantas menguruskan krisis dan mengarahkan agensi di bawah seliaannya untuk bertindak tegas tanpa kompromi jika membabitkan keselamatan pengguna dan rakyat.

Di samping cabaran dihadapi, kementerian ini tetap fokus kepada usaha memperkenalkan inovasi lebih baik untuk ditawarkan kepada pengguna pengangkutan awam.

Penggantian bas berkuasa elektrik (EV) adalah salah satu contoh inovasi terbaik kementerian ini. Langkah digitalisasi juga diperkenalkan. Kini pelekat cukai jalan tidak perlu lagi dilekatkan pada cermin kenderaan. Usaha kecil, tetapi impaknya besar.

Fokus kementerian untuk meningkat kecekapan melalui inovasi digital dalam menaik taraf sistem Malaysia Maritime Single Window (MMSW) bagi memperkasakan ekosistem logistik negara adalah langkah yang wajar dipuji.

Untuk jaringan pengangkutan awam, saya lihat ini adalah tumpuan kepimpinan Anthony di kementerian ini. Beliau tampak serius untuk menyusun strategi menambah baik sistem pengangkutan awam agar lebih efisien dan memenuhi tuntutan pengguna yang kian bertambah.

**JAYUM:** Pada mulanya, terdapat beberapa 'inovasi' tampak diusahakan kementerian. Bagaimanapun, inisiatif itu masih berskala kecil dan tidak benar-benar memberi impak terhadap kemudahan pengguna jalan raya. Sebagai contoh, pengenalan cukai jalan digital.

Selain itu, di setiap plaza tol terutama di ibu kota, pengguna jalan raya masih terbeban dengan sistem pembayaran tol yang berbeza mengikut lorong sehingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak.

Mengapa tidak dilaksanakan sahaja sistem pembayaran tol bersepadu yang boleh menggabungkan pelbagai kaedah pembayaran seperti Touch 'n Go, Smart Tag, Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) atau terkini, kad debit dan kad kredit pada semua lorong?



Anthony (kanan) memimpin Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Mengenai Kesesakan Jalan Raya.

## KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

**HISOMMUDIN:** Kementerian ini menjadi tumpuan semasa dipimpin oleh bekas menteri, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub yang memperkenalkan Menu Rahmah.

Konsep penawaran harga makanan mampu beli oleh mereka yang memerlukan tanpa kos daripada kerajaan, sebaliknya menggalakkan peniaga berkongsi keuntungan untuk membuat amal kebajikan menerusi Menu Rahmah ini ternyata mendapat sambutan hangat daripada rakyat.

Tertarik dengan penerimaan positif rakyat, Perdana Menteri melihat nama Rahmah itu lebih dekat dengan hati nurani rakyat. Sehubungan itu, kerajaan menamakan polisi kebajikan Kerajaan Perpaduan dengan nama Rahmah. Kini di bawah seliaan KPDN, sembilan item dikenal pasti dan dinamakan di bawah



Menu Rahmah yang diperkenalkan oleh Allahyarham Salahuddin (tengah) menerima sambutan luar biasa rakyat Malaysia sehingga jenama Rahmah itu diperluaskan Kerajaan Perpaduan terhadap sembilan item lain.

Payung Rahmah.

Payung Rahmah yang diperkenalkan ini diperakui oleh penerima manfaat sebagai satu usaha yang baik daripada kerajaan dalam usaha meringankan kos sara hidup rakyat.

Untuk bantuan bekalan makanan asas, Bakul Rahmah juga amat bermakna bagi yang menerimanya.

Namun sejak pemergian Allahyarham Salahuddin pada Julai lalu, ternyata jenama Rahmah ini agak tenggelam sedikit.

Berdepan dengan isu berkait dengan bekalan makanan yang naik harga, kos sara hidup juga meningkat, rakyat segera mendesak budi bicara Perdana Menteri melantik untuk Menteri KPDN dengan kadar segera.

**JAYUM:** Saya menganggap kementerian ini tidak begitu bernasib baik sejak pemergian Allahyarham Salahuddin susulan kekosongan jawatan menteri masih belum terisi.

Tidak keterlaluan untuk mengatakan situasi ini sebenarnya memberi isyarat tidak baik terhadap rakyat, pada saat Kerajaan Perpaduan masih berusaha keras untuk menyelesaikan krisis peningkatan kos sara hidup dan pelbagai kos barangan keperluan harian yang tidak terkawal.

Dengan jawatan menteri itu sebelum ini diperuntukkan kepada Parti Amanah Negara (Amanah), sepatutnya tiada masalah untuk mana-mana ahli Parlimen atau pemimpin parti itu dipilih bagi menggalas tugas berat berkenaan.

Langkah penangguhan pelantikan jawatan menteri dibimbangi memberi petanda seolah-olah PMX tidak begitu yakin terhadap kemampuan Amanah memegang portfolio penting ini.

## KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPPT)

**HISOMMUDIN:** Kementerian ini juga antara yang begitu responsif. Menterinya, Nga Kor Ming dan Timbalan Menteri, Akmal Nasrullah Mohd Nasir kerap dilihat turun padang, tidak berprotokol serta pantas bertindak dalam menangani setiap isu berkaitan.

Bukti jelas, rakyat dipaparkan dengan pendekatan pantas dan agresif kementerian ini dalam menangani isu banjir bilik sewa 'sangkar burung' di Lembah Klang sebagaimana dilaporkan *Sinar Harian* secara eksklusif bulan lalu.

Selepas sembilan hari pendedahan demi pendedahan, Kor Ming melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta pasukan polis membuat satu pemeriksaan mengejut berkaitan aduan awam terhadap premis berkenaan.

Malahan, jaminan tindakan tegas dan usaha menggempur pihak yang terbabit memamatkan isu ini dengan segera. Kepantasan bertindak dan ketegasan melindungi rakyat sebegini menerima maklum balas yang baik daripada rakyat.

Keberkesanan kementerian ini juga terserlah menerusi peranan Timbalan Menterinya yang bertindak mengetuai *task force* mengenal pasti projek perumahan terbengkalai atau disifatkan sebagai projek sakit.

Inisiatif ini sangat membantu terutamanya memastikan kebajikan rakyat untuk mendapatkan tempat berlindung diberikan perhatian oleh kerajaan.

**JAYUM:** Di sebalik pencapaian baik ditunjukkan



Selepas 10 hari pendedahan *Sinar Harian* berhubung bilik sewa sempit seperti sangkar burung di Lembah Klang, KPPT melalui JBPM, DBKL serta polis bertindak menyerbu premis tersebut.

menteri, tiada perancangan pembaharuan besar ditonjolkan oleh kementerian ini.

Di Sarawak, kediaman rumah panjang berterusan berdepan masalah kebakaran serius dengan kementerian ini seolah-olah ketandusan idea untuk menyelesaikan krisis berkenaan.

Kediaman rumah panjang ini seolah-olah masih tidak dilengkapi fasiliti keselamatan bersesuaian, selain tiada peruntukan perlindungan insurans.

Berikutan itu, bagi rakyat Sarawak selagi mana isu itu masih gagal diselesaikan kementerian ini, sukar untuk menilai sama ada kerajaan benar-benar memenuhi tanggungjawabnya.



KOPERASI UNTUK KESEJAHTERAAN MALAYSIA MADANI  
Sedih, Amarah, Tulus

www.angkasa.coop  
@AngkasaCoop

#### KEMENTERIAN PENDIDIKAN



Fadhilina (tengah) menjayakan Himpunan Solidariti Keamanan Sejahtera yang diadakan di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya.

**HISOMMUDIN:** Kementerian ini juga merupakan antara tumpuan sepanjang setahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan. Dengan usia politik masih hijau bagi memimpin portfolio sebesar ini, Menteri, Fadhilina Sidek dan timbalannya, Lim Hui Ying sememangnya menempuh pelbagai liku dan cabaran dalam mengurus persepsi di kementerian ini.

Bermula dengan keputusan memperkenalkan modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi yang mengundang kritikan pelbagai pihak, pendirian dan gaya kepimpinan dua ikon politik wanita ini sentiasa teruji.

Terbaharu, kontroversi penganjuran Minggu Solidariti Palestin anjuran sekolah-sekolah di bawah kementerian yang terpalit dengan isu replika senjata disandang pelajar, bacaan Qunut Nazilah dan bertakbir menjadi topik perdebatan rakyat dan Parlimen.

Fadhilina dengan wataknya yang sederhana, lembut tetapi tegas, ternyata mampu mengawal segala persepsi dengan baik.

Walaupun sedikit emosi, tekanan seumpama ini memberikan pengalaman berharga untuk beliau mengendalikan kementerian kanan dalam kerajaan ini dengan lebih baik pada hari mendatang.

Pada masa sama, idea PMX untuk memastikan semua tandas daif di seluruh negara dinaik taraf turut mendapat pujian dalam kalangan pentadbir sekolah dan guru yang berdepan dengan masalah tandas rosak di sekolah.

Sentuhannya kecil tetapi amat bermakna bagi mereka yang berdepan masalah ini yang berlarutan sejak sekian lama.

Melihat ke hadapan, Fadhilina dan Hui Ying perlu fokus dengan peruntukan besar yang diberikan kepada KPM. Ini menunjukkan keutamaan Kerajaan Perpaduan adalah memperkasakan pendidikan nasional supaya menjadi lebih baik.

Pendidikan harus melangkaui garis kecenderungan politik kepartian tertentu. Pendidikan perlu diletakkan di garis universal dan milik semua. Semua harus bertanggungjawab memastikan sistem pendidikan mampu melahirkan anak bangsa yang hebat pada masa hadapan.

**JAYUM:** Malangnya, prestasi baik kementerian ini sepanjang setahun telah dibayangi pelbagai polemik yang dicetuskan oleh menteri dan sekali gus mengundang pandangan berbeza bahagi rakyat.

Menterinya seolah-olah cuba mempertahankan sesuatu tindakan yang sukar diterima banyak pihak. Ya benar, rakyat negara ini cintakan kedamaian.

Bagaimanapun, sebarang sambutan solidariti kedamaian yang dianjurkan di peringkat sekolah tidak seharusnya dicemari insiden yang mengundang persepsi negatif umum.

#### KEMENTERIAN PERTAHANAN

Foto: BERNAMA



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah (dua dari kiri) mendengar penerangan mengenai meriam jenis 105mm LG1 MK III di Lapang Sasar Kem Syed Sirajuddin.

**HISOMMUDIN:** Kementerian ini diterajui Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan yang dikenali sebagai Tok Mat bersama Adly Zahari yang menggalas jawatan Timbalan Menteri.

Cabaran besar sememangnya menanti Tok Mat ketika mula mengambil alih kementerian ini di saat ia sedang berdepan kontroversi pembinaan kapal tempur pesisir (LCS) yang gagal disiapkan dan melibatkan belanja besar daripada perbendaharaan negara.

Ternyata Tok Mat dengan watak sederhana, sangat *composed* menangani isu itu dan mengemudi kementerian dengan baik dalam tempoh setahun.

Dalam tempoh ini, ada dua perkara yang saya perhatikan menjadi keutamaan Tok Mat dan Adly di Kem Kementah. Pertamanya ialah memastikan perumahan untuk tentera di bawah projek Satu Anggota Satu Rumah atau singkatannya SASaR direalisasikan.

Projek memastikan anggota tentera mampu mendiami rumah selesa dengan kemampuan mereka, ternyata mendapat respons baik.

Ramai bersyukur projek perumahan ini berjaya direalisasikan dan anggota tentera mampu memiliki rumah sebelum bersara.

Keduanya adalah keperluan menjaga kebajikan pesara tentera. Pelbagai inisiatif di peringkat awal untuk merencana peluang pekerjaan bagi golongan ini supaya mereka beroleh pendapatan mencukupi bagi menyara keluarga.

Cabaran baharu buat kementerian ini ialah melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 untuk remaja dan belia negara. Program ini dijangka memanfaatkan kem tentera untuk melatih menjalani latihan mereka.

**JAYUM:** Kementerian ini menerima peruntukan besar. Bagi saya, terdapat keperluan untuk kerajaan memodenisasikan, bukan sahaja aspek kelengkapan ketenteraan, tetapi minda dan cara berfikir pegawai-pegawai kementerian terhadap strategi menstrukturkan semula pertahanan negara melangkaui abad ke-21.

Senario terkini taktikal peperangan tidak lagi menurus kepada peralatan ketenteraan, latihan intensif di hutan dan perang ketumbukan, sebaliknya beralih kepada cabaran moden yang datang dengan bentuk strategi baharu berlandaskan teknologi moden.

Sistem pertahanan negara tidak lagi sekadar bergantung kepada bilangan askar atau peralatan ketenteraan di mana negara yang memiliki jumlah penduduk ramai akan mendapat kelebihan.

Sebaliknya dalam era moden, kemahiran diplomasi adalah jauh lebih penting dan sistem pertahanan kental adalah dengan mewujudkan fasiliti keselamatan berasaskan teknologi terkini.

#### KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



Ahmad Zahid (duduk) menggunting rambut ketika melawat Pavilion Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah sempena Perhimpunan Agung UMNO 2022.

**HISOMMUDIN:** Biarpun pelbagai persepsi dan tuduhan dilemparkan terhadap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Timbalan Perdana Menteri susulan terpalit kes mahkamah sebelum ini, saya masih berpandangan bahawa beliau berjaya melaksanakan tanggungjawab mengemudi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) secara berkesan dan efektif.

Ini susulan inisiatif dan usaha gigih beliau dalam memastikan kementerian ini dapat menumpukan usaha memperkasakan kualiti graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) agar diiktiraf industri.

Pelbagai usaha dilakukan dalam melaksanakan dasar baharu TVET agar ia dapat diadaptasi ke dalam sistem pendidikan negara.

Selain itu, tumpuan turut diberikan kepada inovasi pendigitalan Usahawan Desa yang mendapat peruntukan besar dalam Belanjawan 2024 dengan ia diberikan keutamaan oleh kementerian ini.

Melalui pembangunan digitalisasi terhadap sistem perniagaan, usahawan desa diharap mampu menaikkan jualan serta berpeluang memasarkan produk usahawan mikro, kecil dan sederhana ke pasaran lebih luas.

Menerusi Belanjawan 2024 juga, pembangunan infrastruktur dan kemudahan desa diberikan peruntukan yang besar.

Pembinaan jalan, pembetung dan lampu jalan antara aspek yang diberikan keutamaan. Projek tebatan banjir juga menjadi agenda pembangunan utama dengan kementerian mendapat nasihat kepakaran dari Belanda.

Selain itu, agensi di bawah kementerian ini iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut berdepan sedikit cabaran.

Kes buli di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan bekalan makanan di dewan selera yang menyebabkan pelajar keracunan makanan antara isu yang perlu ditangani.

Pengerusi MARA, Datuk Asyraf Wajdi Dasuki ternyata tegas dan mengambil langkah pantas menyelesaikan isu-isu berkenaan daripada berlarutan. Dalam kes buli, dasar *you touch you go* adalah isyarat bahawa kementerian bertegas agar insiden ini tidak berlaku dalam sistem pendidikan terutamanya di MRSM.

**JAYUM:** Tiada pendekatan baharu dari kementerian ini. Berjaya meneruskan dasar dan polisi sedia ada yang dikemukakan menteri-menteri terdahulu. Kalau ada berita positif pun, mungkin peningkatan jumlah peruntukan yang diterima kementerian ini berbanding belanjawan terdahulu bakal memberi impak positif terhadap pembangunan luar bandar di seluruh pelusuk kawasan.



KOPERASI UNTUK KESEJAHTERAAN MALAYSIA MADANI

Seduh, Arahkan, Tulus

www.angkasa.coop

f @AngkasaCoop

### KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



Mohamad (tiga dari kanan) menunjukkan buah padi dalam Program Santai Agro Madani Penuaian Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Selinchan di Besut, Terengganu, baru-baru ini.

**HISOMMUDIN:** Dalam fasa perubahan iklim tidak menentu ketika ini, kedudukan kementerian ini amat mencabar. Portfolio yang disandang Presiden Amanah, Datuk Seri Mohamad Sabu seumpama duduk di atas kerusi panas. Sukar membuat prediksi krisis ketidakcukupan makanan dan apakah yang akan muncul lagi selepas ini.

Sebaik saja menerajui kementerian ini, Ahli Parlimen Kota Raja itu diuji dengan masalah kekurangan bekalan telur sehingga memaksa pihaknya mendapatkan bahan makanan itu dari India. Tidak lama kemudian muncul pula isu kenaikan harga ayam di pasaran.

Isu bekalan beras putih tempatan juga telah menggagalkan negara. Rakyat terpaksa berebut untuk membeli beras. Satu senario baharu bagi negara buat masa ini. Baru nak reda isu beras, muncul pula masalah bekalan padi benih.

Pendek kata, kementerian ini terdedah kepada serangan langsung daripada rakyat yang meluahkan rasa ketidakpuashatian melalui media sosial. Menteri pula pada peringkat awal mengalami sindrom penafian. Namun, beliau akhirnya terpaksa akur dengan tekanan rakyat yang berdepan dengan realiti sebenar dan dikongsi dengan pantas.

Mengambil contoh langkah inovasi digital, menjadi keperluan bagi kementerian ini membangunkan sistem rantaian bekalan secara digital bagi memberikan gambaran sebenar bekalan makanan di semua peringkat. Dengan ini, pihak kementerian dapat membuat unjuran dengan tepat selain dapat mengambil langkah pencegahan lebih awal.

Selain itu, kementerian ini perlu mewujudkan sinergi kerjasama utuh ibarat simbiosis dengan KPDN. Ini kerana fokus mencukupkan bekalan makanan di bawah seliaan kementerian ini, manakala penetapan harga kepada pengguna pula di bawah bidang kuasa KPDN.

Mengunjur ke hadapan, kementerian ini perlu merangka juga pelan komunikasi strategik yang baik bagi mengurus krisis membabitkan bekalan makanan.

**JAYUM:** Isu sekuriti makanan hakikatnya sudah lama diperkatakan. Sehingga kini, masih tiada satu mekanisme penyelesaian tuntas dicapai.

Satu set panel pemikiran baharu amat diperlukan oleh menteri agar pendekatan baharu yang lebih inovasi diambil bagi menggantikan sistem lama yang sudah lapuk. Buktinya sistem lama untuk menjamin sekuriti makanan masih gagal memenuhi keperluan rakyat Malaysia seperti keterjaminan bekalan beras, ayam, daging ruminan dan telur.

Langkah meletakkan harga siling pada setiap barangan keperluan asas bukan satu pendekatan jangka masa panjang yang efektif.

Memang rakyat dapat kemudahan membeli barangan komoditi bersubsidi, tetapi berapa lama kerajaan mampu menanggung bebanan subsidi yang semakin meningkat saban tahun?

### KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



Mohamed Khaled melawat pameran selepas merasmikan Forum Pendidikan Tinggi Global 2023 di Sepang, pada 15 November lalu.

**HISOMMUDIN:** Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin selaku menteri dan timbalannya, Datuk Yusof Apdal dari Parti Warisan (Warisan) diberikan amanah menerajui kementerian ini. Gandingan kedua-duanya nampak serasi.

Kementerian ini berlegar dalam isu graduan negara, kebolehpasaran graduan, isu ketandusan bakat baharu, hasil penyelidikan serta polemik ranking institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), di samping melatari cabaran menguruskan sektor pengajian tinggi negara.

Melihat kepada hala tuju digariskan menteri, tiga fokus utama diberikan dengan jelas untuk dicapai sepanjang beliau berada di kementerian ini. Berusaha menghasilkan bakat terbaik dari kalangan graduan, menyumbang penyelidikan dan inovasi strategik dan mengantarabangsakan sektor pengajian tinggi di Malaysia.

Bagaimanapun, liputan dan penonjolan usaha menteri dan kementerian dilihat agak sederhana. Isu kampus IPTA dan IPTS masih lagi berlegar dalam kerangka kebajikan dan ekonomi iaitu kadar yuran tinggi serta kos sara hidup mahasiswa.

Sedikit kredit menumpang inisiatif RAHMAH apabila diperkenalkan Menu Siswa RAHMAH. Inisiatif ini diterima baik bagi mahasiswa yang memerlukan terutama bagi kampus di Lembah Klang.

**JAYUM:** Bagi saya, kementerian ini masih memerlukan masa untuk menunaikan agenda pencapaian ditekankan dalam nilai 'Madani'.

Dengan kementerian ini berterusan didominasi oleh satu etnik kaum, sifat inklusif dalam memberi hak kesamarataan terhadap semua kaum masih belum dapat diterjemahkan sepenuhnya.

Satu etnik kaum juga dilihat menjadi penentu kepada dasar dan hala tuju pendidikan tinggi negara, dan ini secara jelas tidak melambangkan konsep Kerajaan Madani yang dilauung-laungkan Kerajaan Perpaduan.

Bersama-sama Kementerian Pendidikan, isu pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) berterusan menjadi isu yang 'taboo' untuk dibincangkan dan diangkat di peringkat nasional, walaupun perkara itu telah diterima di Sarawak.

Agak ironi bagi seorang penuntut sijil UEC yang dikeluarkan oleh institusi pendidikan dalam negara tidak diiktiraf, walhal syarat kemasukan institusi pengajian tinggi dibiayai kerajaan menerima pula sijil-sijil pendidikan dikeluarkan negara luar termasuk dari China.

Mungkin kementerian ini boleh belajar daripada keterbukaan Sarawak dalam menerima pengiktirafan UEC tanpa banyak masalah.

### KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM



Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ditunjangi Nik Nazmi Nik Ahmad sepanjang setahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan mendapat pujian banyak pihak termasuk bekas menternya, Khalry Jamaluddin.

**HISOMMUDIN:** Kementerian ini menjadi sorotan penting kerana tibanya musim Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh sedang melanda negara bermula penghujung tahun 2023.

Jabatan Meteorologi Malaysia selaku agensi kawal selia cuaca sudah tentu sibuk untuk membekalkan maklumat mengenai taburan hujan dan keadaan ombak di lautan kepada rakyat. Dalam aspek ini, kepimpinan menternya yang juga Naib Presiden PKR, Nik Nazmi Nik Ahmad bakal teruji.

Sepanjang meneliti inovasi peralihan tenaga boleh baharu (TBB) yang menjadi fokus beliau di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Negara (NETR), kelihatan teknologi solar antara yang diberikan tumpuan.

Kementerian menumpukan galakan peralihan penggunaan tenaga berasaskan solar bagi mengimbangi penggunaan tenaga berasaskan elektrik. Tambahan itu, galakan penggunaan Tenaga Elektrik Hijau juga antara inovasi beliau di kementerian ini.

Cabaran ini kepada seorang menteri muda, memerlukan daya kepimpinan yang lebih terutama berdepan dengan kenaikan tarif elektrik pada hari mendatang.

Walaupun sekarang kenaikan tarif ditangguhkan sehingga 31 Disember ini. Tahun hadapan, jika tarif ini terpaksa dinaikkan, menguruskan sentimen rakyat amat penting buat kepimpinan beliau.

Selain itu, isu bekalan air bersih yang melibatkan kerajaan negeri seperti di Kelantan, Kedah dan Selangor juga memerlukan kebijaksanaan untuk memperbaiki tahap bekalan air bersih di aras lebih baik.

### KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

**JAYUM:** Kementerian dipimpin Datuk Seri Tiong King Sing ini tampak sarat dengan isu-isu kontroversi dengan ada ketikanya perwatakan beliau dipaparkan begitu keras dan penuh provokasi.

Setakat ini, beliau dilihat sedang berusaha keras untuk memartabatkan industri pelancongan di negara ini, termasuklah usaha agresif menarik kehadiran jutaan pelancong dari Asia Timur terutama negara China.

Bagaimanapun, menteri perlu mengawal perwatakan kontroversi beliau kerana tindak-tanduk yang memberi persepsi negatif terhadap rakyat tidak akan 'menjual' produk pelancongan negara ini.

Ya, pendekatan beliau dalam mengangkat industri pelancongan negara sekali gus membawa masuk aliran mata wang ringgit masih belum jelas. Namun ada kalanya pendekatan agresif beliau membuka mata banyak pihak.

Kelantangannya mempertakikan soalan atau pemerhatian dangkal segelintir ahli Parlimen daripada Semenanjung Malaysia mengenai kewajaran sesuatu produk pelancongan diangkat sebagai trademark tarikan pelancong asing wajar diberikan pujian.

Ini kerana sikap saling bertolak ansur ahli-ahli Parlimen untuk menghormati nilai kebudayaan kepelbagaian kaum di negara ini termasuk Sabah dan Sarawak adalah amat penting dalam memacu industri pelancongan ke satu tahap lebih tinggi.



KOPERASI UNTUK KESEJAHTERAAN MALAYSIA MADANI  
*Sadik, Amanah, Telus*

www.angkasa.coop  
@AngkasaCoop

# Anwar lakukan banyak transformasi

Termasuk dalam pentadbiran dan pengurusan ekonomi negara

## SHAH ALAM

**S**etahun menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah melakukan pelbagai transformasi dalam pentadbiran dan pengurusan ekonomi negara tanpa perlu menyasarkan pengurangan kadar defisit fiskal Malaysia dari lima kepada 4.3 peratus, pada tahun depan.

Pakar Geostrategi dan Felo Kanan Nusantara Academy for Strategic Research, Dr Azmi Hassan berkata, Anwar juga bijak mengatur strategi bagi meningkatkan kadar kutipan hasil negara kepada RM307.6 bilion pada 2024 berbanding RM303.2 bilion pada tahun ini menerusi pengenalan cukai barang mewah serta menaikkan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) daripada enam kepada lapan peratus.

Menurut beliau, kerajaan berbuat demikian untuk meningkatkan pendapatan negara tanpa perlu memperkenalkan semula cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang pernah mencetus kemarahan rakyat sebelum ini.

"Kerajaan juga berani mengambil



Sepanjang setahun mengemudi negara, Anwar telah melakukan pelbagai transformasi dalam pentadbiran dan pengurusan ekonomi negara.



AZMI



AZLI

langkah berhemah dengan menghapuskan pelbagai subsidi ditanggung negara selama ini sedikit demi sedikit tanpa membebankan rakyat marhaen.

"Saya juga melihat pengenalan pemberian subsidi terbesar bakal memberikan impak besar dan akan menjadi legasi yang bakal ditinggalkan Anwar kepada rakyat negara ini pada masa depan," katanya kepada *Sinar Premium*.

Ahli Parlimen Shah Alam, Azli Yusof pula berkata, Perdana Menteri banyak melakukan pembaharuan dan transformasi institusi kerajaan dengan memberikan penekanan khusus kepada program anti rasuah dan tadbir urus yang cekap.

Tambahnya, Anwar juga memperkenalkan dasar Malaysia Madani bertujuan untuk membangunkan sebuah masyarakat yang sejahtera dan mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi.

## KATA DUTA



Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim mementingkan pembangunan hubungan dengan China. Sejak memegang jawatan, beliau telah dijemput melawat ke China sebanyak dua kali dan mencapai konsensus penting dengan Presiden China, Xi Jinping untuk membina komuniti China-Malaysia yang dapat membuka satu halaman sejarah baharu dalam hubungan dua hala. Langkah memperkenalkan Malaysia Madani dengan mengutamakan pembangunan negara dan rakyat, adalah selari dengan konsep *Jinping* iaitu membina komuniti masa depan yang dapat dikongsi bersama."



- Duta China ke Malaysia, Ouyang Yujing  
(Foto Duta China kepada Sinar Harian sempena Sejahtera 1511)

Azli berkata, kerajaan juga memperkenalkan pelbagai dasar baharu termasuklah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030) dan Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia Madani (Al-Falah) bagi menjadi Malaysia sebuah 'negara hijau' dan mewujudkan masyarakat Madani.

"Kerajaan perlu melaksanakan lebih banyak transformasi termasuk mempercepatkan proses pemisahan kuasa antara Peguam Negara dan pendakwa raya, menggubal rang undang-undang pendanaan parti politik serta memberi perlindungan kepada pemberi maklumat," ujarnya.

## Hubungan antarabangsa makin kukuh di bawah Anwar

**SHAH ALAM** - Setahun bergelar pemimpin nombor satu negara sejak 24 November 2022, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempamer keupayaan mentadbir urusan domestik serta hal ehwal antarabangsa dengan baik.

Anwar, 76, menarik banyak pelaburan asing pada ketika negara lain bergelut dengan kemelut ekonomi malah Ahli Parlimen Tambun itu semakin mapan dalam memperkukuh hubungan antarabangsa dengan pelbagai negara.

Penolong Profesor, Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun (ISTAC) dari

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Ahmad El-Muhammady berkata, dasar hubungan antarabangsa di bawah pentadbiran Anwar juga semakin jelas.

"Pada awal pentadbiran beliau, kelihatan sedikit tidak tersusun namun kini dasar hubungan luar dengan negara-negara lain seperti di Asia Barat, China, Amerika Syarikat dan Eropah semakin jelas.

"Kita juga boleh melihat lebih banyak penglibatan dengan ramai pemimpin sebagai strategi pengukuhan dan pengimbangan," ujarnya kepada *Sinar*

## Premium.

Jelasnya, penambahbaikan hubungan antarabangsa ini disebabkan 'faktor peribadi', di mana Anwar mempunyai tahap kepercayaan dan keselesaan dengan pemimpin negara berkenaan selain kepentingan dua hala.

Tambahnya, Malaysia secara dasarnya mempunyai hubungan antarabangsa yang kuat dengan banyak negara.



AHMAD

"Hubungan antara bangsa Malaysia-Turkiye misalnya sememangnya kuat sebelum Anwar menjadi Perdana Menteri lagi dan hubungan tersebut terus bertambah baik," katanya.

Menurut Ahmad, Anwar boleh mempamer prestasi yang lebih mantap dalam hal ehwal antarabangsa sekiranya mempunyai pasukan penasihat yang baik.

"Jika Malaysia mahu memainkan peranan lebih besar dalam arena antarabangsa sekali gus mengunjurkan kepentingan negara, ia memerlukan 'minda terbaik' daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran untuk menyediakan input untuk Perdana Menteri.

"Input daripada kumpulan pemikir dan pakar boleh menjadi 'nilai tambah' kepada amalan sedia ada. Di Amerika Syarikat misalnya, Presiden akan mendapat nasihat pelbagai pihak termasuk badan pemikir seperti Council on Foreign Relations," katanya.



NURUL RIDUAN NOR ASHAHA



KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN



HAFEZDULLAH MOHD HASSAN



LIZA MOKHTAR



MOHD FAIZUL HAIKA MAT KHAZI



NURUL NABILA AHMAD HALIMY

Perpustakaan Koperasi Malaysia ANGKASA